

Untung Sebelum Cukai OCBC Malaysia Naik 15 Peratus Bagi Tahun Kewangan 2013

Bernama

9 Apr, 2014

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Keuntungan sebelum cukai OCBC Bank (Malaysia) Bhd bagi tahun kewangan 2013 naik 15 peratus kepada RM1.25 bilion berbanding RM1.085 bilion pada tahun sebelumnya.

Untung bersih pula meningkat pada kadar tertinggi sebanyak 17 peratus kepada RM946 juta bersandarkan kepada pertumbuhan pinjaman kukuh yang dicapai menerusi kawalan kos lebih baik dan kerugian rosot nilai yang peruntukan yang lebih rendah, demikian menurut bank berkenaan dalam satu kenyataan Rabu.

Jumlah pendapatan OCBC Malaysia bagi tahun yang dilaporkan meningkat lapan peratus kepada RM2.2 bilion, dipacu oleh peningkatan 10 peratus dalam pendapatan pembiayaan bersih termasuk pendapatan perbankan Islam dan dua peratus kenaikan dalam pendapatan bukan faedah.

Jumlah pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar meningkat 17 peratus kepada RM56 bilion pada akhir tahun dilaporkan terutamanya kerana pinjaman pengguna dan perniagaan, yang masing-masing naik sebanyak RM4.0 bilion.

Jumlah aset pula bertambah sebanyak 12 peratus kepada RM82 bilion.

Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif OCBC Malaysia Jeffrey Chew berkata pertumbuhan kukuh keuntungan bank dicapai berasaskan prestasi mengagumkan dalam pinjaman kepada sektor perumahan serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS), disokong oleh pertumbuhan ketara dalam perniagaan pengurusan kekayaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1029137>